

SPM EKONOMI KERTAS 2 – KERTAS MODUL 2

BAHAGIAN A (60 markah)

Jawab semua soalan.

SOALAN 1

Maklumat di bawah ini berkaitan dengan ciri sistem ekonomi dua buah negara.

Syakila: Hai Azlinaz, lama tak jumpa. Dengar khabar, di negara awak rakyat bebas memiliki harta kekayaan tanpa sekatan. Di negara saya, selain bebas memiliki harta, kerajaan juga mengawal kegiatan ekonomi dan perlu membayar cukai tanpa zakat.

Azlinaz: Ya betul tu, Syakila. Selain itu, harta juga boleh diwariskan.


(a) Tentukan sistem ekonomi di negara Syakila.

[1 markah]


(b) Jelaskan **dua** perbezaan ciri antara sistem ekonomi di negara Azlinaz dengan sistem ekonomi di negara Syakila.

[4 markah]

(c) Rajah 1 dan Rajah 2 menunjukkan keluk penawaran firma.



Rajah 1



Rajah 2

Bezakan perubahan titik a ke titik b antara Rajah 1 dan Rajah 2.

[6 markah]

(d) Maklumat di bawah berkaitan dengan pasaran buruh di Malaysia.

Kebanjiran Pekerja Asing di Malaysia Sangat Serius

Kebanjiran pekerja asing di Malaysia kini berada pada tahap yang sangat serius apabila dianggarkan sebanyak 6.7 juta golongan tersebut mencari rezeki di negara ini dalam pelbagai sektor.

Sumber: Ubah suai daripada Utusan Online, 12 November 2014

(i) Lakarkan graf yang menunjukkan perubahan keseimbangan pasaran buruh. Kemukakan alasan anda.

[6 markah]

(ii) Bagaimanakah kerajaan dapat menangani situasi tersebut daripada berterusan?

[3 markah]

SOALAN 2

(a) Maklumat yang berikut berkaitan dengan satu persamaan dalam ekonomi.

$\text{Perbelanjaan penggunaan} + \text{Tabungan} = \text{Pendapatan individu} - X$

(i) Apakah X?

_____ [1 markah]

(ii) Nyatakan komponen X dan jelaskan tujuan X dikenakan terhadap individu.

_____ [7 markah]

(b) Jelaskan dua persamaan dan dua perbezaan Bank Simpanan Nasional(BSN) dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja(KWSP).

_____ [6 markah]

(c) Maklumat yang berikut berkaitan dengan jumlah hasil dan perbelanjaan kerajaan pada suatu tahun.

Perbelanjaan mengurus	: RM100 000 juta
Perbelanjaan pembangunan:	: RM55 000 juta
Jumlah hasil	:: RM120 000 juta

Tafsirkan kedudukan kewangan kerajaan dan bagaimana kerajaan mengatasi keadaan tersebut.

_____ [6 markah]

SOALAN 3

(a) Jelaskan tujuan belanjawan negara Malaysia dibentangkan pada setiap tahun.

[2 markah]

(b) Kewujudan perdagangan antarabangsa telah memberi kesan negatif kepada Malaysia. Adakah anda bersetuju dengan pernyataan di atas. Terangkan tiga alasan.

[7 markah]

(c) Jelaskan kesan tindakan-tindakan berikut ke atas kadar pertukaran asing Malaysia.

(i) Rakyat Malaysia memesan lebih banyak komputer buatan Jepun.

[2 markah]


(ii) Amerika Syarikat melancarkan dasar anti-minyak sawit keluaran Malaysia.

[2 markah]

(iii) Malaysia menjadi tuan rumah untuk mengendalikan sukan lumba kereta formula bertaraf dunia.

[2 markah]

(d) Graf di bawah ini menunjukkan kadar pertukaran Ringgit Malaysia (RM) berbanding 100 unit Yen Jepun (¥) dari tahun 2013 hingga tahun 2016.



Jelaskan kesan perubahan kadar pertukaran asing tersebut terhadap Imbangan Dagangan Malaysia pada tahun 2015 berbanding tahun 2014.

[5 markah]

BAHAGIAN B (40 markah)

Jawab mana-mana dua soalan sahaja.

SOALAN 4

- (a) Terangkan perbezaan antara inflasi tarikan permintaan dengan inflasi tolakan kos. [7 markah]
- (b) Adakah negara yang mengalami inflasi akan menghadapi masalah imbalan pembayaran? Bincangkan. [7 markah]
- (c) Maklumat yang berikut berkaitan dengan sekatan perdagangan antarabangsa.

Tarif	Kuota	Kawalan pertukaran asing
--------------	--------------	-------------------------------------

Terangkan tujuan sekatan perdagangan tersebut kepada sesebuah negara yang mengamalkannya.

[6 markah]

SOALAN 5

Petikan berkaitan dengan aktiviti pengeluaran sesebuah kilang.

JAS sedang siaat pencemaran bauksit di Minyak Beku

Beniama | Julai 07, 2018 06:32 MYT



JOHOR BAHRU: Jabatan Alam Sekitar (JAS) Johor akan mengambil tindakan sekiranya laporan siasatan mendapati terdapat pencemaran alam sekitar akibat kewujudan pusat pengumpulan dan pengagihan bauksit seperti didakwa penduduk Minyak Beku, dekat Batu Pahat.

Pengarahnya, Datuk Dr Mohammad Ezani Mat Salleh berkata siasaan mengenai pencemaran itu sedang dijalankan dan masih menunggu laporan lenekap mengenainya.

- (a) Aktiviti tersebut dikatakan memberi kesan luaran yang negatif terhadap masyarakat. Bincangkan. [8 markah]
- (b) Bagaimanakah kerajaan memainkan peranannya dalam menangani kesan eksternaliti tersebut. [6 markah]
- (c) Sejauh manakah isu tersebut memberi kesan terhadap pertumbuhan ekonomi negara. [6 markah]

SOALAN 6

Maklumat di bawah berkaitan dengan pengeluaran minyak kelapa sawit negara.



Sumber: Jabatan MPOB, 2018

- (a) Apakah sumber ekonomi yang terlibat dalam sektor di atas? Jelaskan. [6 markah]
- (b) Bersetujukah anda sekiranya ekonomi Malaysia hanya bergantung terhadap sektor utama tersebut? Berikan hujah anda secara terperinci. [8 markah]
- (c) Bagaimanakah cara untuk mencapai kadar pertumbuhan mampan oleh industri minyak sawit mentah di Malaysia? Jelaskan. [6 markah]

SOALAN 7

Maklumat yang berikut berkaitan dengan situasi pada masa kini.

Generasi sekarang terutama generasi Y (yang berumur kurang daripada 40 tahun) kini kelihatan jelas mengamalkan gaya hidup berlumba-lumba untuk dilihat hidup dalam kemewahan. Selepas pembayaran semua hutang termasuk ansuran kereta, rumah, insurans kesihatan, bil air, bil elektrik dan sebagainya, pendapatan bulanan mereka habis begitu sahaja tanpa membuat tabungan.

- (a) Terangkan kesan jika perbelanjaan tersebut menjadi trend pada masa kini. [7 markah]
- (b) Dengan membuat format belanjawan peribadi, terangkan bagaimana tabungan boleh dicapai. [7 markah]
- (c) Pendapatan boleh guna diperoleh dengan menolak caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) daripada pendapatan jndividu. Bincangkan. 16 markah]

JAWAPAN

SOALAN 1


- (a) Sistem ekonomi campuran
(b)

Sistem Ekonomi Pasaran Bebas	Sistem Ekonomi Campuran
Individu bebas menentukan barang ekonomi	Kerajaan menentukan barang awam
Individu bebas membuat pilihan barang ekonomi untuk memaksimumkan kepuasan	Kerajaan memilih barang awam untuk memaksimumkan kebajikan masyarakat

- (c) Perbezaan antara perubahan titik a ke titik b dalam Rajah 1 dengan dengan perubahan titik a ke titik b dalam Rajah2:

Perubahan titik a ke titik b di Rajah 1	Perubahan titik a ke titik b di Rajah 2
Melibatkan konsep perubahan kuantiti ditawarkan	Melibatkan konsep perubahan penawaran
Ditunjukkan oleh pergerakan sepanjang keluk penawaran yang sama	Ditunjukkan oleh peralihan keluk penawaran ke kiri selari dengan keluk penawaran yang asal
Disebabkan oleh perubahan harga barang itu sendiri	Disebabkan oleh perubahan faktor selain daripada harga barang itu sendiri
Contohnya, harga barang itu meningkat dari P0 ke P1	Contohnya, kenaikan kos pengeluaran mengalih keluk penawaran S0 S0 ke kiri menjadi keluk penawaran S1 S1

(d)



(i) Alasan:

- Berlaku peningkatan penawaran buruh pada sebarang tingkat kadar upah
- Keluk penawaran buruh asal S0S0 beralih ke kanan menjadi keluk S1 S1
- Titik keseimbangan buruh berubah daripada E0 kepada E1
- Kadar upah keseimbangan buruh turun daripada P0 ke P1
- Kuantiti keseimbangan buruh naik daripada Q0 ke Q1

(ii) - Melarang kemasukan pekerja asing daripada negara tertentu memasuki negara ini atas faktor politik atau keselamatan

- Memberi galakan kepada majikan menggunakan buruh tempatan
- Mengehadkan pekerja asing untuk bekerja dalam sektor tertentu sahaja
- Mengetatkan undang-undang berkenaan syarat kemasukan pekerja asing
- Mengenakan Levi kepada pekerja asing

SOALAN 2

- (a) (i) X = potongan wajib
(ii) Komponen potongan wajib
- cukai pendapatan
 - zakat
 - caruman KWSP
 - caruman PERKESO

Tujuan potongan wajib

- KWSP dikenakan untuk menjamin kedudukan kewangan pada hari tua para pekerja
- zakat dikenakan untuk menyucikan harta pemilikanya kerana sebahagian daripada harta yang dimiliki itu merupakan kepunyaan pihak lain
- PERKESO dikenakan untuk memberi perlindungan kepada pekerja swasta terhadap kejadian di luar jangka
- Cukai pendapatan perseorangan dikenakan untuk membolehkan kerajaan memungut hasil cukai bagi tujuan perbelanjaan kerajaan

(b) Persamaan

- Institusi kewangan bukan bank.
- Sumber kewangan kepada pasaran modal.
- Sumber pinjaman dalam negeri / membeli surat jaminan kerajaan / sekuriti kerajaan / bil perbendaharaan.
- Menggerakkan tabungan / melaksanakan pelbagai projek pelaburan

Perbezaan

BSN	KWSP
- Menggalakkan tabungan bagi golongan rendah dan sederhana.	- Simpanan untuk menjamin masa tua.
- Menyediakan kemudahan pinjaman kepada orang ramai.	- Tidak menyediakan kemudahan pinjaman kepada orang ramai.
- Menerima deposit tabungan / tetap daripada orang ramai.	- Menerima caruman daripada pekerja dan majikan.

- Pengeluaran wang lebih mudah / bila-bila masa dengan menggunakan mesin ATM.	- Pengeluaran wang dengan syarat-syarat tertentu yang ditetapkan.
---	---

- (c) Kedudukan kewangan kerajaan
 = Jumlah hasil - Jumlah perbelanjaan
 = RM120 000 juta - RM 155 000 juta
 = - RM 35 000 juta

iaitu berlaku belanjawan defisit sebanyak - RM35 000 juta. Belanjawan defisit berlaku apabila jumlah hasil kerajaan kurang daripada jumlah perbelanjaan kerajaan.

Cara kerajaan mengatasi belanjawan defisit

- kerajaan akan menurunkan kadar cukai
- akan meningkatkan pendapatan boleh guna masyarakat.
- kuasa beli masyarakat juga turut meningkat
- Permintaan terhadap barang dan perkhidmatan akan bertambah. kegiatan ekonomi negara akan meningkat.
- kerajaan akan menambahkan perbelanjaan kerajaan
- menyebabkan peluang pekerjaan akan meningkat.
- kadar pengangguran akan menurun dan pendapatan individu akan meningkat.
- Pendapatan yang meningkat akan menyebabkan kuasa beli bertambah.
- Akhirnya, aktiviti ekonomi akan berkembang pesat.

SOALAN 3

- (a) - Menentukan anggaran hasil yang akan diterima kerajaan
- Menentukan anggaran perbelanjaan yang akan dibuat kerajaan
- Merancang sumber hasil dan perbelanjaan kerajaan dengan sistematik
- (b) Setuju.
Alasan:
- i. Masalah lambakan
- menyebabkan keuntungan firma tempatan merosot dan pengangguran bertambah, kesannya tingkat pelaburan tempatan turun
- Negara mengalami kerugian
- harga barang import lebih tinggi berbanding dengan harga eksport komoditi
- ii. Amalan dasar perlindungan
- tarif yang dikenakan oleh rakan dagang Malaysia menyebabkan jumlah eksport berkurang, kadar pertukaran mata wang asing berkurang dan keuntungan firma juga berkurang.
- Kesannya, pengangguran meningkat
- iii. Amalan pengkhususan yang berlebihan
- penumpuan terhadap eksport barang tertentu
- menjejaskan ekonomi Malaysia apabila berlaku pengurangan permintaan barang tersebut di pasaran dunia.
- (c) (i) Import komputer buatan Jepun meningkat/ penawaran Ringgit Malaysia meningkat.
Kadar pertukaran Ringgit Malaysia jatuh.
- (ii) Eksport minyak sawit Malaysia di luar negara jatuh/ permintaan Ringgit Malaysia jatuh.
Kadar pertukaran Ringgit Malaysia jatuh.
- (iii) Eksport perkhidmatan Malaysia

meningkat/ permintaan Ringgit Malaysia meningkat.
Kadar pertukaran ringgit Malaysia meningkat.

- (d) Kesan perubahan kadar pertukaran asing tersebut terhadapimbangan dagangan Malaysia pada tahun 2015 berbanding tahun 2014
- nilai Ringgit Malaysia jatuh berbanding dengan nilai Yen Jepun
 - harga eksport lebih murah
 - jumlah eksport bertambah
 - harga import lebih mahal
 - jumlah import berkurang
 - defisit dalamimbangan dagangan Malaysia

SOALAN 4

- (a) Inflasi ialah peningkatan tingkat harga umum barang dan perkhidmatan secara berterusan dan tidak terhad dalam sesebuah negara. Inflasi tarikan permintaan berlaku apabila permintaan agregat terhadap barang dan perkhidmatan melebihi penawaran agregat semasa ekonomi berada pada tingkat guna tenaga penuh. Punca inflasi tarikan permintaan ialah peningkatan permintaan agregat. Komponen permintaan agregat terdiri daripada perbelanjaan penggunaan, perbelanjaan pelaburan, perbelanjaan kerajaan dan eksport bersih.

Semasa ekonomi berada pada tingkat guna tenaga penuh, sumber ekonomi berada pada kapasiti pengeluaran maksimum dan output tidak boleh ditambah. Penawaran barang dan perkhidmatan tidak dapat memenuhi peningkatan permintaan agregat dalam ekonomi. Kesannya, tingkat harga umum naik.

Peningkatan pendapatan pengguna yang disebabkan oleh pertumbuhan ekonomi yang tinggi akan meningkatkan kuasa beli pengguna. Kelonggaran proses


penciptaan kredit melalui pinjaman oleh bank perdagangan akan meningkatkan perbelanjaan pelaburan oleh firma swasta. Kerajaan menjalankan dasar belanjawan mengembang, iaitu menambahkan perbelanjaan kerajaan dan mengurangkan kadar cukai menyebabkan pertambahan perbelanjaan kerajaan. Akhir sekali, peningkatan eksport bersih, iaitu eksport melebihi import menyebabkan aliran wang masuk ke dalam negara bertambah.

Manakala inflasi tolakan kos berlaku apabila kos pengeluaran firma bertambah dan menyebabkan penawaran agregat berkurang. Pengurangan penawaran agregat dan permintaan agregat tetap menyebabkan ekonomi mengalami lebih permintaan dan akhirnya tingkat harga umum naik. Punca inflasi tolakan kos ialah peningkatan sumber ekonomi atau pengurangan penawaran agregat. Contohnya, peningkatan upah pekerja untuk menangani kenaikan kos sara hidup pekerja, kenaikan harga makanan, kenaikan kos bahan mentah, dan kenaikan sewa kilang serta kenaikan kos pengangkutan. Apabila kos pengeluaran meningkat, firma menaikkan harga barang dan perkhidmatan untuk mengekalkan margin keuntungan yang sama seperti sebelum inflasi.


- (b) Imbangan pembayaran ialah rekod sistematik yang berkaitan dengan jumlah penerimaan dan jumlah pembayaran kewangan sesebuah negara. Inflasi menyebabkan harga barang eksport secara relatif lebih mahal, manakala harga barang import secara relatif lebih murah. Andaikan permintaan eksprt dan import adalah anjal harga.

Rajah 1 dan Rajah 2 di bawah

masing-masing menunjukkan keluk permintaan eksport dan keluk permintaan import yang anjal harga.



Rajah 1: Keluk permintaan eksport anjal harga




Rajah 2: Keluk permintaan import anjal harga

Rajah 1 menunjukkan keluk permintaan D_x mempunyai nilai keanjalan 2.5. Apabila harga eksport naik daripada RM10 kepada RM12, jumlah hasil eksport berkurang daripada RM1 000 kepada RM500, iaitu pengurangan sebanyak sebanyak RM500.


Rajah 2 menunjukkan keluk permintaan D_m mempunyai nilai keanjalan 2. Apabila harga import turun daripada RM10 kepada RM8, jumlah hasil import bertambah daripada RM1 000 kepada RM1 200, iaitu penambahan sebanyak RM200.

Kesannya, aliran wang masuk akibat daripada eksport yang berkurang dan aliran wang keluar akibat import yang meningkat. Keadaan ini akan memburukkan imbangan pembayaran sesebuah negara.

Sebaliknya, inflasi akan membaiki imbalan pembayaran sekiranya permintaan eksport dan import barang adalah tak anjal harga. Rajah 3 dan Rajah 4 masing-masing menunjukkan keluk permintaan eksport dan keluk permintaan import yang tak anjal harga.



Rajah 3: Keluk permintaan eksport tak anjal harga



Rajah 4: Keluk permintaan import tak anjal harga

Rajah 3 menunjukkan keluk permintaan D_x yang mempunyai nilai keanjalan 0.4. Apabila harga eksport naik daripada RM100 kepada RM150, jumlah hasil eksport bertambah daripada RM1 000 kepada RM1 200, iaitu pertambahan sebanyak RM200.

Rajah 4 menunjukkan keluk permintaan D_m yang mempunyai nilai keanjalan 0.5. Apabila harga import turun daripada RM100 kepada RM60, jumlah hasil import berkurang daripada RM1 000 kepada RM720

iaitu pengurangan sebanyak RM280.

Kesannya, aliran wang masuk bertambah akibat daripada eksport dan aliran wang keluar berkurang akibat import. Keadaan ini memperbaiki imbalan pembayaran sesebuah negara.

- (c) Sekatan perdagangan antarabangsa merupakan dasar perlindungan yang dikenakan oleh sesebuah negara untuk mengawal import negara tersebut. Tarif ialah cukai import yang dikenakan terhadap barang import dari luar negara. Tarif akan menaikkan harga barang import. Kuota ialah had maksimum terhadap kuantiti barang import yang boleh diimport dari luar negara. Manakala kawalan pertukaran asing mengawal pembelian pertukaran asing oleh pengimport tempatan.

Ketiga-tiga sekatan perdagangan antarabangsa tersebut bertujuan untuk melindungi industri muda tempatan. Tarif menyebabkan harga barang import secara relatif lebih mahal berbanding harga barang tempatan. Daya saing firma tempatan akan meningkat. Kuota dan kawalan pertukaran asing menyebabkan penawaran import berkurang dan mengurangkan persaingan barang dari luar negara. Penawaran barang tempatan bertambah.

Sekatan perdagangan seperti tarif menyumbangkan kepada hasil kerajaan. Hasil kerajaan boleh digunakan untuk membiayai projek pembangunan dan mengurangkan hutang negara. Tarif juga dapat mengatasi masalah lambakan dari luar negara.

Sekatan perdagangan menyebabkan permintaan barang tempatan bertambah. Keadaan ini menambahkan penawaran bahan mentah dan pelaburan firma tempatan. Kesannya, peluang pekerjaan bertambah dan meningkatkan pendapatan serta taraf

hidup masyarakat.

Seterusnya, pengurangan permintaan barang import menyebabkan aliran wang keluar berkurangan. Keadaan ini dapat mengurangkan imbangan pembayaran defisit negara.

SOALAN 5

- (a) Ekternaliti negatif merupakan kesan buruk yang wujud akibat aktiviti pengeluaran yang dilakukan oleh firma.

Bauksit adalah batu yang mengandungi aluminium hidroksida yang merupakan bijih utama aluminium. Sifat asas bauksit ialah tidak larut dalam air malah mencemarkan jika memasuki sungai dan loji rawatan air.

Masyarakat terpaksa menerima kesan akibat daripada pencemaran udara dan hujan asid. Debu adalah masalah utama yang disebabkan oleh perlombongan bauksit. "Merah" sisa habuk daripada proses pertama Bauksit pasti akan berpaut hasil tanaman seperti sayur-sayuran, buah-buahan, kopi, teh, getah, lada hitam dan kekal di daun mereka untuk tempoh masa yang panjang.

Fenomena ini adalah sangat berbahaya kepada pertumbuhan hasil pertanian dan mengurangkan produktiviti tanaman. Debu ini terdiri daripada bahan kimia toksik ditambah dengan pelepasan semula jadi produk radiasi radium, thorium, dan boleh beryllium- dalam jangka masa panjang boleh menjadi punca kanser paru-paru untuk penduduk di kawasan sekitarnya sebagaimana data statistik daripada perlombongan dari negara barat.

Lebih-lebih lagi, semasa proses pemisahan dibuat, wap sulfur dioksida terbentuk dan menyebabkan hujan asid yang merupakan gabungan kimia udara sulfurous dan air. Hujan asid menyebabkan tanah kurang subur

Powered by Andrew Choo

dan menjejaskan nutrisi tanah.

Pencemaran air yang berlaku di sungai atau laut telah menyebabkan masyarakat menghadapi pencemaran air yang menjejaskan kualiti air bersih dan merebaknya wabak penyakit. Apabila lumpur merah toksik dibuang di atas tanah, bahan kimia toksik yang akan meresap ke aras air bawah tanah bersama-sama dengan air hujan, yang kemudiannya akan mencemarkan sumber air utama kawasan tanah tinggi. Di samping itu, enapcemar merah dibawa oleh hujan sungai pembekal sumber air utama turut mendapat kesannya. Selanjutnya, sisa berbahaya ini adalah membahayakan penduduk dan menyebabkan kerosakan kepada pertanian.

Pencemaran perikanan juga boleh berlaku akibat aktiviti perlombonganbauksit ini. Industri perikanan juga akan terjejas disebabkan oleh bahan kimia yang beracun dari enapcemar merah contohnya boleh menyebabkan ikan lenyap atau pupus. Menurut kajian yang dijalankan oleh saintis Amerika dan Itali, lumpur merah boleh menyebabkan gangguan genetik ikan di lautan. Kesihatan dan kehidupan rakyat dan pengguna ikan boleh terjejas juga.

Kesihatan manusia juga akan terjejas. Enapcemar merah meletakkan kesihatan dan kehidupan manusia pada risiko udara, pencemaran air dan ikan. Statistik perubatan membuktikan bahawa ketoksikan yang berpanjangan boleh menyebabkan encephalopathy, osteoporosis, anemia, dan mungkin penyakit Parkinson. Penyelidik Australia di Australia telah membuktikan bahawa lumpur merah boleh menyebabkan kanser paru-paru dan boleh menjejaskan pertumbuhan bayi dalam kandungan.

Gejala umum keracunan akibat bauksit ke atas manusia adalah pening, vertigo, loya, pengsan, atau koma jika bernafas atau mengambil dalam dos yang besar.

Menurut OSHA, hidroksida natrium (NaOH) adalah sisa utama dalam lumpur merah dan ia adalah berbahaya kepada manusia selepas pendedahan yang lama umpamanya 15 tahun. Pendedahan secara langsung boleh menyebabkan kerengsaan kulit, atau radang sistem pernafasan seperti melepuh tekak, mulut dan hidung.

- (b) Kerajaan perlu mengadakan undang-undang dan peraturan berkaitan dengan alam sekitar. Kerajaan perlu tegas dalam proses pemberian permit, kerja-kerja pengorekan bauksit, pengangkutan sehingga kepada kerja-kerja pemunggahan bahan mineral itu ke atas kapal. Kerajaan juga memantau kepatuhan permit perlombongan, menyita peralatan melombong dan mengadakan sekatan jalan raya berterusan. Kerajaan juga perlu mewujudkan 'hotline' khas berkaitan perkara itu bagi memudahkan rakyat mengemukakan sebarang aduan yang berkenaan.

Menubuhkan agensi kerajaan bagi memantau pematuhan isu alam sekitar. Aktiviti Penaksiran Kesan Persekitaran (EIA) juga perlu dilakukan di kawasan-kawasan perlombongan tidak kira keluasannya untuk memastikan ia tidak menimbulkan kesan pencemaran kepada alam sekitar. Dasar Alam Sekitar Negara (DASN) perlu dierkemas untuk meneruskan kemajuan ekonomi, sosial dan budaya serta peningkatan kualiti hidup rakyat Malaysia menerusi kesejahteraan alam sekitar dan pembangunanlestari. Pendidikan alam sekitar diperingkat

sekolah. Pendidikan merupakan saluran terpenting dalam usaha menyemai rakyat cintakan alam sekitar. Melalui kurikulum di sekolah seperti mata pelajaran geografi, pendidikan alam sekitar boleh dimasukkan ke dalam sukatan pelajaran di sekolah. Ianya bertujuan agar generasi akan datang dapat menghargai alam sekitar. Di samping itu kegiatan kokurikulum, melalui persatuan dan kelab dapat mempraktikkan amalam cintakan alam sekitar. Program Sekolah Lestari, Anugerah Alam Sekitar anjuran Jabatan Alam Sekitar juga wajar dilaksanakan di peringkat sekolah.

Kempen Alam sekitar. Kempen alam sekitar melalui media cetak dan elektronik dapat meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan alam sekitar. Ceramah, surat edaran, pamflet, dan forum tentang alam sekitar perlu dijalankan dengan lebih kerap lagi. Penerangan yang jelas oleh pegawai-pegawai alam sekitar terhadap usaha menjaga alam sekitar dapat memberi maklumat kepada pengguna seperti penggunaan konsep 3R, REPAIR, REUSE, RECYCLE. Penanaman pokok, Hari Alam Sekitar, pengasingan bahan terbuang, dan menjelaskan tentang kesan buruk akibat kerosakan alam sekitar seperti kepupusan sumber, penyakit, kemusnahan alam, bahaya penipisan ozon dan lain-lain.

- (c) Pertumbuhan ekonomi merupakan perkembangan kegiatan ekonomi dari semasa ke semasa yang menyebabkan peningkatan dalam Keluaran Negara Kasar.

Kegiatan perlombongan bauksit sudah pasti menjejaskan produktiviti tanaman yang disebabkan oleh debu merah dan sisa habuk daripada proses perlombongan bauksit. Selain

itu, kegiatan ini juga membahayakan pertumbuhan hasil tanaman disebabkan hujan asid yang berlaku. Sekaligus mengurangkan pendapatan masyarakat setempat terutamanya yang menjadikan kegiatan pertanian sebagai sumber pendapatan.

Sektor perikanan juga terjejas disebabkan kegiatan ini kerana bahan kimia beracun dari enapcemar merah yang memasuki sungai/laut boleh menyebabkan ikan lenyap atau pupus. Lumpur merah akibat kegiatan ini juga boleh menyebabkan gangguan genetik kan di lautan.

Sektor pelancongan juga kan terjejas akibat daripada kegiatan ini sekiranya tidak dibendung secara berkesan. Pusat pelancongan yang berdekatan dengan pusat kegiatan ini juga akan mendapat tempasnya. Persekitaran yang negatif ini secara tidak langsung akan mengurangkan kadar kemasukan pelancong ke tempat-tempat tersebut.

Kegiatan ini juga menjejaskan kesihatan dan kehidupan masyarakat setempat yang sudah pasti akan mengurangkan produktiviti sesebuah firma akibat ramai pekerja terpaksa cuti sakit.

Situasi di atas jelas menunjukkan bahawa kegiatan pelombongan bauksit yang tidak terbandung sudah pasti akan menyebabkan pertumbuhan ekonomi di kawasan terlibat akan terjejas. Tambahan lagi, sektor pertanian, pembuatan, perikanan dan pelancongan amat berdekatan dengan kawasan tumpuan kegiatan ini. Kegiatan ini sudah pasti akan membantutkan produktiviti sektor-sektor ini sekaligus mengurangkan pendapatan pengusaha sektor yang terlibat. Ancaman terhadap kesihatan penduduk setempat juga turut mendorong kepada penurunan kadar pertumbuhan ekonomi kerana

penduduk tidak dapat keluar bekerja malah terpaksa menanggung kos rawatan ahli keluarga yang terjejas.

SOALAN 6

(a) Tanah

- Sumber semula jadi
- Penawaran adalah terhad
- Terdapat dipermukaan bumi / di dalam perut bumi/ juga di dalam lautan
- Penawaran tanah bersifat tetap dan kekal

- Ganjaran bagi tanah adalah sewa

Buruh

- Menyumbang tenaga fizikal dan tenaga mental dalam proses pengeluaran
- Buruh dapat dibahagi kepada dua iaitu buruh mahir dan buruh tidak mahir
- Buruh tidak menanggung risiko pengeluaran
- Mobiliti buruh adalah tinggi
- Buruh dapat dipindahkan dari satu tempat ke tempat yang lain
- Ganjaran bagi buruh adalah upah

Usahawan

- Individu yang menggabungkan sumber-sumber ekonomi untuk menghasilkan barang / output
- Menanggung risiko pengeluaran
- Usahawan berperanan sebagai perancang, penyelaras, pemimpin dan pengawal aktiviti firma
- Ganjaran yang diterima adalah untung

Modal

- Jentera atau mesin yang digunakan dalam proses pengeluaran
- Modal merupakan sumber ekonomi ciptaan manusia
- Modal mudah dipindahkan / mobiliti dari satu tempat ke satu tempat yang lain
- Penawaran modal adalah tidak tetap
- Modal boleh ditambah atau dikurangkan dengan mudah

- Mengalami susut nilai
 - Ganjarannya adalah faedah
- (b) Tidak bersetuju
- Ketidakstabilan harga komoditi
 - Harga komoditi utama yang sering mengalami perubahan disebabkan permintaan dan penawaran yang tidak anjal
 - Ketidakstabilan harga komoditi membawa kesan kepada kemerosotan pendapatan negara
 - Pertumbuhan ekonomi terjejas
 - Peluang pekerjaan terjejas
 - Daya pengeluaran rendah
 - Menjejaskan hasil eksport negara
 - Kehausan sumber dan kepupusan sumber
 - Bijih timah dan petroleum mengalami kehausan dan kepupusan
 - Banyak tempat perlombongan akan ditutup
 - Buruh akan diberhentikan kerja
 - Kadar pengangguran akan meningkat
 - Merugikanimbangan perdagangan
 - Jumlah nilai eksport kurang daripada jumlah nilai import
 - Harga komoditi dieksport yang lebih murah
 - Negara terpaksa mengimport barang utama berbanding dengan barang perkilangan
 - Merugikanimbangan dagangan yang berasaskan sektor pertanian
- (c)
- Mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan
 - Menampung peningkatan penawaran tenaga buruh
 - Mengurangkan kadar pengangguran
 - Meningkatkan taraf kebajikan masyarakat / pekerja di industri minyak sawit mentah
 - Output / produk minyak sawit mentah seperti sabun bertambah
 - Mengurangkan kadar kemiskinan
 - Merapatkan jurang pendapatan

- Industri minyak sawit mentah menyediakan rumah kepada pekerja
- Industri minyak sawit mentah menyediakan perkhidmatan kesihatan seperti perubatan percuma
- Menyediakan kemudahan asas yang lengkap seperti air dan elektrik

SOALAN 7

- (a) Perbelanjaan melebihi pendapatan boleh guna menyebabkan tabungan negatif. Dari sisi peniaga, keadaan ini menggalakkan peningkatan permintaan agregat dalam ekonomi. Firma mengalami keuntungan yang bertambah dan menggalakkan insentif untuk membuat pelaburan. Perniagaan menjadi semakin rancak kerana perbelanjaan tersebut dibiayai oleh institusi kewangan seperti bank perdagangan terlebih dahulu. Peluang pekerjaan bertambah dan meningkatkan pendapatan negara.

Dari sisi kerajaan, hasilnya bertambah kesan daripada pengenaan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) serta duti eksais. SST dan duti eksais dikenakan terhadap pembelian barang oleh pengguna. Keadaan ini membolehkan kerajaan membiayai perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan serta mengurangkan beban hutang negara.

Dari sisi pengguna, gaya hidup berlumba-lumba untuk dilihat hidup dalam kemewahan membawa kepada pembaziran sumber. Individu sepatutnya merancang mengikut kemampuan pendapatan boleh guna. Contohnya, individu boleh membeli kereta kecil atau menggunakan perkhidmatan awam yang relatif lebih murah dan menjimatkan. Apabila pendapatan boleh guna tidak mencukupi untuk membiayai

perbelanjaan, maka individu terpaksa berhutang. Pinjaman akan dikenakan kadar faedah dan hal ini akan meningkatkan beban hutang. Contohnya, pinjaman kereta yang bernilai RM150 000 dengan kadar faedah 3% setahun dan tempoh bayaran balik selama tujuh tahun. Maka faedah bagi tujuh tahun adalah seperti yang berikut.

$$\begin{aligned} \text{Faedah} &= \text{RM}150\,000 \times 7 \text{ tahun} \\ &\quad \times 3\% \text{ setahun} \\ &= \text{RM}31\,500 \end{aligned}$$

Jumlah pembiayaan kereia ialah RM181 500. Jika membeli kereta murah, maka tanggungan faedah adalah lebih rendah.

Individu yang berbelanja lebih daripada kemampuannya terpaksa menggunakan tabungan di dalam bank. Lama kelamaan, jumlah tabungan berkurang. Keadaan ini menyebabkan punca pendapatan daripada faedah yang diperoleh daripada akaun simpanan berkurangan seterusnya menyebabkan taraf hidup merosot.

Apabila ekonomi mencapai tingkat guna tenaga penuh atau hampir mencapai guna tenaga penuh, pertambahan permintaan agregat menyebabkan inflasi dalam ekonomi. Keadaan ini menyebabkan kos sara hidup naik dan taraf hidup masyarakat berkurang.

Permintaan terhadap barang import juga akan bertambah. Keadaan ini menyebabkan aliran wang keluar dan memburukkan lagiimbangan dagangan negara. Kesannya, penawaran mata wang negara bertambah di pasaran pertukaran asing dan nilainya akan susut.

Individu juga mungkin mengalami muflis jika tidak mampu membayar balik hutang. Hal ini

menyebabkan individu tersebut akan disenaraikan hitam dan menjejaskan imej kewangan individu tersebut.

- (b) Belanjawan peribadi ialah satu rancangan berbelanja berdasarkan anggaran pendapatan boleh guna individu untuk satu jangka masa tertentu, biasanya sebulan.

Pendapatan boleh guna diperoleh apabila semua sumber pendapatan individu ditolak potongan wajib. Potongan wajib ialah bayaran yang diwajibkan oleh kerajaan dan agama Islam ke atas individu.

Jadual di bawah ini menunjukkan satu format belanjawan peribadi Encik Roslan bagi bulan Mei.

	RM	RM
Pendapatan		
Upah	48 000	
Faedah	500	
Jumlah pendapatan individu		5 500
<i>Tolak:</i>		
Cukai pendapatan	200	
Caruman KWSP	550	
Bayaran zakat	50	
Jumlah potongan wajib		800
Pendapatan boleh guna		4 700
Perbelanjaan		
Makanan dan minuman	1 000	
Bil elektrik, air dan internet	400	
Ansuran kereta	700	
Ansuran rumah	1 000	
Premium insurans kesihatan	200	
Belanja minyak dan tol	500	
Jumlah perbelanjaan		3 800
Tabungan		900

Berdasarkan jadual di atas, jumlah pendapatan individu terdiri daripada upah dan faedah daripada akaun simpanan di bank perdagangan. Manakala potongan wajib terdiri daripada cukai pendapatan, caruman kepada KWSP, dan bayaran zakat. Pendapatan boleh guna ialah perbezaan antara jumlah pendapatan individu dengan jumlah potongan wajib.

Tabungan ialah baki pendapatan yang tidak dibelanjakan. Tabungan ialah perbezaan antara jumlah pendapatan boleh guna dengan

yang berikut.

$$\begin{aligned} Yd &= \text{RM4 000.00} - (\text{RM440.00} + \\ &\quad \text{RM20.00} + \text{RM120.00} + \text{RM} \\ &\quad \text{100.00}) \\ &= \text{RM3 320.00} \end{aligned}$$

- jumlah perbelanjaan.
- (c) Pendapatan boleh guna ialah pendapatan sebenar yang boleh digunakan oleh individu selepas ditolak potongan wajib. Potongan wajib terdiri daripada caruman kepada KWSP, caruman kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO), cukai pendapatan perseorangan, dan bayaran zakat bagi umat Islam. Rumusnya:

$$\begin{aligned} \text{Pendapatan boleh guna (Yd)} \\ &= \text{Pendapatan} - \text{Potongan} \\ &\quad \text{individu} \quad \quad \text{wajib} \end{aligned}$$

Caruman kepada KWSP adalah satu komponen dalam potongan wajib. Pekerja perlu mencarum 11% daripada gajinya. Contohnya, gaji Encik Hashim sebanyak RM4 000 sebulan, maka kadar caruman KWSP adalah sebanyak RM440 sebulan. Pekerja swasta juga membuat caruman kepada PERKESO jika gaji permulaannya RM4 000 dan ke bawah. Kadar caruman ialah 0.5% daripada gaji bulannya. Contohnya, gaji Encik Hashim sebanyak RM4 000 wajib mencarum sebanyak RM20.00 setiap bulan.

Individu seperti Encik Hashim perlu membayar cukai pendapatan perseorangan apabila jumlah pendapatan tahunannya melebihi satu tahap tertentu yang ditetapkan oleh kerajaan. Andaikan cukai pendapatan Encik Hashim ialah RM120.00 sebulan.

Umat Islam membayar zakat pendapatan sebanyak 2.5% daripada pendapatannya. Contohnya, Encik Hashim dengan pendapatan RM4 000, zakat yang dikenakan adalah sebanyak RM100 sebulan.

Kesimpulannya, dengan pendapatannya sebanyak RM4 000 sebulan, pendapatan boleh guna sebulan Encik Hashim adalah seperti